

## **BANK ISLAM RAIKAN SYAWAL DENGAN PENYERAHAN 11 UNIT RUMAH KEPADA ASNAF**

**KUALA LUMPUR, Ahad, [9 Mei 2021]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") melalui cabang tanggungjawab sosial korporatnya, AMAL Bank Islam, menyerahkan 11 unit rumah kepada asnaf terpilih di Kuala Lumpur menerusi penyempurnaan Program Baiti Jannati (bermaksud Rumahku Syurgaku) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ("DBKL") dan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Program tersebut melibatkan peruntukan dana AMAL dan Zakat berjumlah lebih RM600 ribu untuk membeli rumah yang sedang disewa oleh 11 keluarga asnaf berkenaan daripada DBKL. Mereka tergolong daripada golongan miskin bandar yang berdaftar di bawah sistem e-kasih, Portal Pembasmian Kemiskinan yang diwujudkan oleh Kerajaan.

Majlis penyerahan kunci Program Baiti Jannati telah disempurnakan oleh Pengurus Besar, Hubungan Strategik Bank Islam, Tuan Haji Mohd Nazri Chik di Dewan Komuniti Projek Perumahan Rakyat ("PPR") Beringin, Kuala Lumpur pada Khamis lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Sebagai sebuah institusi perbankan patuh Syariah, Bank Islam amat peka dan prihatin terhadap keperluan masyarakat serta kesempitan yang dirasai golongan yang kurang bernasib baik, khususnya dalam mendepani persekitaran ekonomi yang mencabar hari ini. Pelbagai inisiatif telah diadakan bagi menangani dan membantu golongan yang layak, termasuk penyediaan kediaman yang selesa. Sehubungan itu, kami telah memulakan Program Bantuan Rumah Bank Islam pada tahun 2008 bagi menyediakan tempat tinggal yang selesa untuk golongan yang paling terkesan dan layak. Dimulakan di negeri Kelantan dan diikuti Terengganu, program ini kemudiannya diperluaskan ke seluruh negara. Setakat ini, ia telah memanfaatkan lebih 300 asnaf dengan melibatkan peruntukan berjumlah lebih RM9 juta.

"Pada tahun ini, Program Bantuan Rumah Bank Islam diteruskan melalui kerjasama dengan Program Baiti Jannati kelolaan DBKL bagi memberikan pemilikan rumah kepada asnaf miskin bandar yang menetap di kawasan perumahan Projek Perumahan Rakyat ("PPR") DBKL. Bank Islam turut memperelokkan fizikal rumah dan membekalkan perabot tambahan dan peralatan elektrik supaya tempat tinggal mereka lebih sempurna dan selesa ."

Mohd Muazzam menambah, "Dengan situasi pandemik COVID-19 yang masih belum reda, kami amat bersyukur kerana projek ini dapat disempurnakan sebelum Hari Raya Aidilfitri. Semoga sumbangan kecil ini dapat menceriakan sambutan mereka sekeluarga."

Selain pemberian milikan rumah, AMAL Bank Islam turut menyumbang baucar berbuka puasa, hamper Hari Raya dan wang tunai kepada penerima.

Sokongan perumahan yang diberikan kepada golongan yang layak tidak terhad kepada Program Bantuan Rumah Bank Islam. Pada bulan Julai tahun lalu, Bank Islam telah menjadi perintis skim pembiayaan pemilikan rumah untuk golongan asnaf yang dikenali sebagai kemudahan Pembiayaan Peribadi-i Asnaf. Skim itu dilaksanakan melalui usaha sama Agensi Mengurus Zakat Negeri, yang mana kedua-dua pihak masing-masing membiayai separuh pembiayaan kediaman terlibat.

Menerusi skim tersebut, asnaf yang berpendapatan tetap, tetapi di bawah RM1,500 sebulan, boleh memiliki kediaman sendiri sama ada di atas tanah sendiri atau selepas diizinkan pemilik tanah.

"Menerusi kolaborasi dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah ("LZNK"), projek rintis dilancarkan dengan dua (2) buah rumah telah diserahkan kepada penerima yang layak pada bulan Februari lalu. Kami menyasarkan untuk menyerahkan sebanyak 30 unit rumah di bawah skim pembiayaan ini pada tahun ini dan terus berusaha untuk

memperluaskannya di seluruh negara dengan Majlis Agama Islam Negeri yang berminat," kata Mohd Muazzam.

Beliau menambah, "Kemakmuran yang dirasai Bank Islam merupakan hasil daripada kepercayaan dan sokongan yang diberikan pelanggan terhadap kami. Oleh itu Bank Islam terus komited untuk membantu pelanggan dan komuniti dalam mendepani tempoh semasa yang mencabar, khasnya susulan peningkatan kadar jangkitan COVID-19 di seluruh negara."

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a>	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
---	---